

PERUTUSAN



**Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia**

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Ranau adalah merupakan pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif bagi pembangunan landskap di peringkat daerah. Pelan induk ini diwujudkan bagi memastikan aspek landskap dititikberatkan dalam mana-mana jua pembangunan di samping memelihara sumber landskap setempat dan menyelaraskan pembangunan ke arah matlamat untuk menjadikan **Malaysia Negara Taman Terindah**. Di samping itu, Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Ranau menggariskan cadangan komprehensif dalam bentuk polisi, garis panduan, strategi dan cadangan projek bagi tempoh 10 tahun akan datang. Selain itu, Pelan Induk Landskap ini juga mampu menyokong pembangunan sektor landskap, pelancongan dan alam sekitar di Daerah Ranau.

Adalah diharapkan supaya Pelan Induk Landskap ini akan dapat menjadi panduan penting kepada Majlis Daerah Ranau, penggubal dasar di peringkat negeri, perunding, pemaju-pemaju, badan bukan kerajaan, orang perseorangan dan orang awam ke arah menjadikan Ranau sebagai '**Taman Warisan**'.

Akhir kata, saya berharap agar kesemua pihak yang berkenaan dapat memanfaatkan dokumen ini sebagai garis panduan pembangunan landskap ke arah menjadikan Daerah Ranau sebagai sebuah bandar yang indah dan selesa bukan sahaja untuk penduduk setempat bahkan juga kepada pelancong dari dalam dan luar negara. Kerjasama dari semua pihak juga adalah penting untuk membangunkan Daerah Ranau sebagai destinasi pelancongan yang mementingkan keindahan semula jadi. Kepada semua pihak yang telah menjayakan kajian ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.



**Dato' Hj. Ismail Bin Ngah
DPMT , KMN**

KATA-KATA ALUAN



**Pengerusi
Majlis Daerah Ranau**

Syukur kehadiran Allah SWT kerana akhirnya Pelan Induk Landskap bagi Majlis Daerah Ranau telahpun siap sepenuhnya. Terima kasih kepada Jabatan Landskap Negara yang bersungguh-sungguh untuk membantu pihak Majlis Daerah Ranau dalam menjadikan Ranau sebagai satu Daerah 'Taman Warisan' yang mempunyai keistimewaan dan keindahannya tersendiri.

Bertunjangkan visi dan aspirasi kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Taman Terindah tahun 2020' serta usaha majlis dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, maka peningkatan kualiti landskap telah dijadikan sebagai antara intipati penting dalam mana-mana perancangan dan pembangunan di Daerah Ranau.

Melalui pembiayaan Jabatan Landskap Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maka Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Ranau (2010-2020) telah dihasilkan. Ia merupakan satu pelan jangka pendek dan panjang yang komprehensif bagi pembangunan landskap dan kawasan lapang termasuk taman-taman awam yang ada di sekitar Daerah Ranau. Penghasilan pelan induk ini kelak akan dijadikan sebagai landasan dan panduan dalam pembangunan landskap Daerah Ranau. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada usaha padu pihak Majlis Daerah Ranau dalam meningkatkan kualiti landskap yang sedia ada dan yang bakal dibangunkan.

Justeru itu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas sokongan dan kerjasama padu yang tidak berbelah bagi yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat. Ini khususnya kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Landskap Negara, ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal dan Penyelarasan di peringkat Majlis Daerah Ranau dan semua pihak yang berusaha keras ke arah penyediaan Pelan Induk Landskap ini. Adalah diharapkan semoga Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Ranau ini akan dijadikan panduan utama oleh semua pihak dalam mana-mana perancangan dan pembangunan yang ingin dilaksanakan di sekitar Daerah Ranau kelak. Apa yang lebih penting ialah sokongan dan seterusnya kerjasama dari semua pihak untuk merealisasikan dan menjayakan usaha ini dengan lebih jitu dan berkesan.

Sekian, terima kasih.



Tuan Hj. Faimin Bin Kamin